

Ditahan bersama pisau pemotong daging

Suspek berusia 25 tahun direman tujuh hari bermula semalam

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Lelaki yang melarikan diri dalam keadaan berbogel selepas membunuh ahli keluarga terdekat terdiri daripada seorang wanita dan bayi lelaki dalam kejadian di sebuah rumah di Kampung Bakar Batu di sini, kelmarin direman tujuh hari bermula semalam sehingga 11 Julai ini.

Perintah reman itu dibenarkan Penolong Pendaftar Mahkamah, Nur Izzaty Muhammad Zahari, selepas permohonan dikemukakan Polis Diraja Malaysia (PDRM), di sini, pagi semalam.

Suspek lelaki berusia 25 tahun itu yang memakai baju lokap berwarna oren tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Johor Bahru kira-kira jam 9 pagi dengan dikawal ketat polis.

Kelmarin, suspek yang bekerja sebagai pencuci kapal dilaporkan berjaya ditahan polis selepas gambar dan videonya menunggang motosikal dalam keadaan bogel tular di media sosial sejak tengah hari.

Suspek didakwa membunuh ahli keluarga terdekatnya terdiri daripada wanita berusia 26 tahun dan bayi lelaki berusia tiga bulan.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Asisten Komisioner Raub Selamat dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan polis kes

berkenaan pada 12.42 tengah hari sebelum bergegas ke lokasi kejadian.

"Hasil siasatan pihak polis, kejadian dipercayai berlaku kira-kira 12.30 tengah hari dan kami bertindak atas maklumat sebelum berjaya membuat tangkapan ke atas suspek.

"Pada 2.45 petang, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis

Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan (JBS) menahan suspek di kawasan Permas Jaya," katanya.

Katanya, turut dirampas ketika tangkapan dibuat adalah sebilah pisau pemotong daging dan sebuah motosikal berwarna merah.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Suspek berjaya ditahan di kawasan Permas Jaya Raub

Ujian saringan air kencing negatif dadah

Johor Bahru: Lelaki berusia 25 tahun yang dipercayai membunuh dua ahli keluarga terdekatnya terdiri daripada seorang wanita dan bayi lelaki disahkan bebas daripada penyalahgunaan dadah.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, hasil ujian saringan awal air kencing yang dibuat ke atas suspek mendapati dia negatif dadah.

Beliau berkata, sehingga kini siasatan masih giat dijalankan untuk mengetahui motif sebenar kejadian itu.

"Motif kejadian masih dalam siasatan dan suspek negatif dadah," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan suspek mengalami kemurungan atau tekanan hidup, Raub berkata, beliau akan memaklumkan perkara itu kemudian.

"Nanti saya update," jawabnya ringkas.

Kelmarin, suspek ditahan kira-kira 2.45 petang di kawasan Permas Jaya selepas dilaporkan melarikan diri dalam keadaan bogel sejurus insiden pembunuhan terabit.

Terdahulu, beberapa gambar dan video memaparkan keadaan lelaki itu yang tidak berpakaian sedang menunggang motosikal tular di media sosial.



SUSPEK direman tujuh hari sehingga 11 Julai ini.